

24/03/2002

Ahmed Deedat teringin jumpa Dr M

Fauzi Mustafa

WAJAHNYA bersih berseri tetapi mempunyai suara tegas dalam mengimarahkan syariat Islam sehinggakan ditakuti dan disegani oleh mana-mana rabi Yahudi mahupun paderi Kristian di dunia.

Ajak saja untuk berdebat, seseorang akan berfikir dua tiga kali bagi menyediakan segala jawapan yang bernas apabila berdepan dengan ulama Islam terkemuka dari Durban, Afrika Selatan, Sheikh Ahmed Deedat yang sudah berusia 83 tahun itu.

Terkenal sebagai pendakwah provokasi, beliau kini terlantar di katil kerana penyakit lumpuh yang dihidapinya sejak tujuh tahun lalu sehingga membantutkan usaha beliau untuk pergi fisabillilah ke seluruh dunia.

Namun, kebesaran Allah ada di mana-mana. Walaupun lumpuh hampir keseluruhan anggota kecuali di bahagian kepala, Sheikh Ahmed masih mampu berdakwah sehingga menarik minat berpuluh ribu orang menziarahinya termasuk tokoh agama kaum Yahudi, Nasrani dan Kristian, di samping umat Islam yang mengenali beliau.

Hanya menerusi kurniaan sepasang mata serta pemikiran minda yang tajam sepanjang sakit lumpuhnya, Sheikh Ahmed mampu menghasilkan 25 buku berkaitan isu Islam sejagat dan konfliknya, Nabi Muhammad, ketidaksahihan kitab Injil serta keangkuhan Yahudi masa kini.

Antara tajuk buku itu ialah 50,000 Errors in the Bible, Christ In Islam, Is the Bible God's Word, Muhammed The Greatest, The Muslim At Prayer, Way To The Quran, Arabs And Israel - Conflict Or Conciliation? dan Who Moved The Stone?

Hakikatnya, keajaiban tokoh ulama Islam itu memukau sesiapa saja yang menziarahinya mahupun yang mengenalinya.

Bayangkan seorang yang terlantar di katil dan tidak mampu bergerak, walaupun sekadar mengangkat jari, mampu berdakwah secara berkesan, malah boleh menghasilkan sejumlah buku yang banyak.

Sedangkan manusia biasa sekalipun agak sukar untuk menghabiskan bacaan sebuah buku apatah lagi untuk menulis dan menghasilkan buku.

Perkara itu seharusnya direnungi betapa hebat kurniaan Allah terhadap manusia dalam melaksanakan ajaran Islam dalam keadaan apa sekalipun.

Penulis bersama jurugambar sempat menemui Sheikh Ahmed di rumahnya di Verulam, Durban, kira-kira 650 kilometer dari Johannesburg, baru-baru ini.

Pada awalnya, kunjungan penulis ke bandar raya Durban yang terkenal dengan keindahan pantai dan cuaca yang panas sekadar mengunjungi kilang Stromberg, tetapi ajakan kuat Kurya Aminah Abdullah, 47, yang tinggal sejak tujuh tahun lalu di Johannesburg, akhirnya membawa kami ke rumah Sheikh Ahmed.

Tiba kira-kira jam 8 malam dalam keadaan suhu yang mencecah 15 darjah Celsius, penulis bersama rombongan disambut salam dari jauh oleh anak bongsu Sheikh Ahmed, Yousuf dari anjung rumahnya.

Keceriaan jelas terpancar di muka Yousuf yang sebenarnya sudah menanti kedatangan kami sejak pagi, namun sebagai adat resam tempatan, tetamu tetap dilayan walaupun mencecah waktu tengah malam.

Sebaik tiba di pintu masuk rumah, kelihatan seorang wanita tua sibuk membersihkan Sheikh Ahmed yang terlantar di katil.

Beliau ialah isteri kepada tokoh ulama Islam itu, Hawa Suliman, 79, yang cukup gembira menerima kunjungan tetamu, lebih-lebih lagi dari Malaysia.

Pada peringkat awal pertemuan, suasana menjadi sepi seketika dan Yousuf memanggil semua orang mendekati bapanya bagi membolehkan setiap mereka

yang menziarahinya dapat melihat lebih dekat.

Bagi memulakan perbualan, setiap orang termasuk penulis memperkenalkan diri terlebih dahulu di depan Sheikh Ahmed. Sebaik masing-masing selesai, anaknya kemudian menerangkan keadaan bapanya yang lumpuh sejak tujuh tahun lalu.

Yousuf turut bertanya kepada bapanya sama ada beliau boleh memahami apa yang diperkatakan oleh mereka yang menziarahinya.

Bagi membuktikan kebenaran itu, seorang daripada anggota rombongan penulis, Putri Sarah Maimunah, 13, diminta meletakkan tangannya di atas tangan Sheikh Ahmed sebelum mengajukan soalan.

Kata Putri Sarah, adakah tangan saya panas? Jawab Sheikh Ahmed: Ya.

Tanya Putri Sarah, adakah awak sedar bahawa saya meletakkan tangan saya pada tangan awak. Jawab Sheikh Ahmed: Saya sedar tangan comel awak berada di tangan saya ini.

Justeru itu, Yousuf menerangkan hanya di bahagian kepala termasuk otaknya masih berfungsi dengan baik berbanding anggota lain yang lumpuh sepenuhnya.

"Allah masih sayangkan bapa saya, walaupun keadaan seperti ini menyulitkan. Namun, saya tetap reda dan bersyukur kerana bapa saya masih hidup, malah lebih ajaib lagi, bapa saya masih mampu berdakwah sama seperti ketika sihat dahulu.

"Inilah kebesaran Allah mengurniakan sesuatu kelebihan kepada makhluknya bahawa pelaksanaan syariat Islam dapat diteruskan dalam keadaan apa cara sekali pun.

"Atas dasar itu, Sheikh Ahmed terus bersemangat selepas tidak putus-putus orang ramai dari seluruh dunia menziarahinya setiap hari," kata Yousof.

Ditanya bagaimana Sheikh Ahmed mampu berinteraksi, menurut anak bongsunya, zaman teknologi serta tahap pemikiran yang tinggi membolehkan komunikasi itu dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Menerusi konsep sistem abjad secara berjadual direka cipta bagi membolehkan Sheikh Ahmed mempelajari dan memahaminya setiap hari. Hasil komitmen dan ketekunan beliau sambil dibantu Yousuf, perkara itu dilihat sebagai mudah.

Dengan menggunakan isyarat mata saja seperti pandang ke atas sebagai tanda YA, manakala pandang ke kiri sebagai tanda TIDAK, menyaksikan Yousof yang sibuk membaca abjad satu persatu, akhirnya dapat membentuk satu perkataan.

Penulis sempat menanyakan beberapa soalan berkaitan isu Islam dan peranan Malaysia pada peringkat antarabangsa.

Soalan pertama menyentuh soal senario dunia Islam masa kini. Jawapannya ringkas, "Ia bergantung pada mata siapa yang melihatnya. Sekiranya mata itu milik orang bukan Islam, maka ia akan memberi pandangan tersendiri, sama juga dengan orang Islam itu sendiri".

Bagi soalan seterusnya, penulis mengaitkan sama ada Sheikh Ahmed yakin bahawa Malaysia boleh menjadi pemimpin Islam pertama di dunia.

Reaksi tokoh ulama Islam itu terdiam seketika dan jawapannya ialah "Boleh. Pemimpin Malaysia terutama Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mempunyai pengaruh kuat.

"Pandangan jauhnya (Mahathir) boleh menentukan hala tuju masyarakat Islam dunia.

"Beliau bukan sekadar memimpin Malaysia saja, tetapi perlu memimpin dunia Islam dengan sokongan penuh oleh negara Islam yang lain," kata Sheikh Ahmed yang dibantu oleh Yousuf yang menulis setiap abjad yang diluahkan oleh bapanya.

Soalan seterusnya menyentuh keadaan masa kini, dunia Islam sering kali dikaitkan dengan aktiviti keganasan. Apa pandangan Sheikh Ahmed mengenai

soal itu.

Jawabannya: "Orang Islam harus mempertahankan kebenaran itu daripada anasir yang boleh mengancam agama Islam itu sendiri.

Sedang asyik penulis sibuk menyoal, menulis dan memahami persoalan itu, isteri Sheikh Ahmed sempat mencelah supaya kami berhenti seketika bagi menikmati minuman dan makanan kering yang disediakan.

Berita Minggu difahamkan kunjungan media Malaysia ini adalah yang kedua ke atas Sheikh Ahmed selepas kumpulan pertama dari krew Jejak Rasul TV3 yang mengunjunginya dua tahun lalu.

Sejak lumpuh, menurut Yousof, belum pernah ada pemimpin Malaysia yang datang menziarahi bapanya.

"Cuma beberapa menteri negara Islam lain termasuk menteri luar Iran pernah melawat Sheikh Ahmed, baru-baru ini.

"Bapa saya sebenarnya teringin berjumpa dengan pemimpin Malaysia terutama Dr Mahathir. Dia (Perdana Menteri) mempunyai keistimewaan dan keistimewaan itu sebenarnya harus dikongsi dengan orang istimewa seperti bapa saya.

"Mungkin ada perkara yang boleh dibincangkan sekiranya Dr Mahathir menziarahinya," katanya.

Ketika ditanya mengenai Dr Mahathir, Sheikh Ahmed mengisyaratkan mata ke atas tanda YA dan sememangnya berharap dapat bertemu.

Sheikh Ahmed dilahirkan di India dan juga Presiden Pusat Dakwah Islam Antarabangsa (IPCI) yang beribu pejabat di Durban. Beliau ialah tokoh terkenal dari Afrika Selatan yang sering membincangkan masalah agama termasuk agama Yahudi, Nasrani atau Kristian.

Sheikh Ahmed kerap membahaskan monotheism, mengenai agama wahyu yang diperturunkan melalui Rasul Allah. Beliau juga menggunakan Old Testament, New Testament dan Last Testament dalam menyampaikan hujahnya.

Beliau banyak bersyarah dengan menceritakan persaudaraan di antara Islam, Yahudi dan Kristian. Hubungan di antara Nabi Ibrahim, Ismail dan Ishak. Beliau menggunakan al-Quran dan Injil untuk menerangkan mengenai Nabi Musa, Jesus Christ (Nabi Isa) dan Nabi Muhammad.

Berhijrah bersama keluarga ke Afrika Selatan ketika berumur tujuh tahun, Sheikh Ahmed disifatkan sebagai seorang pendakwah terkenal dan pemedato yang serba boleh hingga menyebabkan mereka yang mendengarnya kagum.

Pada 1986, beliau dikurniakan anugerah antarabangsa Al-Malek Feisal, satu anugerah yang setaraf dengan Hadiah Nobel kerana sumbangannya kepada dunia Islam.

(END)